

Mengalami falsafah ekonomi mampan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja



Thailand menerima pakai Falsafah Ekonomi Mampan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja sebagai pendekatan negara untuk pembangunan national yang sudah menjangkau lebih 40 tahun. Dengan pendekatan ini, Thailand dapat mengatasi pelbagai krisis.

Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha bercakap mengenai Falsafah Ekonomi Mampan semasa beliau mempengerusikan majlis pelancaran program "ASEAN Youth Representatives Experiencing the Philosophy of Sufficiency Economy" (AY-REPSE 2016 Thailand) pada 5 Oktober 2016 di Bangunan Santi Maitri, Rumah Kerajaan.

Program dua minggu, yang dijadualkan pada 4-17 Oktober 2016, adalah sebahagian daripada dua acara bagi perayaan ulang tahun Ke-70 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja menaiki takhta dan pusingan ketujuh, atau perayaan ulang tahun Ke-84, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri.

Tujuannya adalah untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang Falsafah Ekonomi Mampan melalui sesi dalam kelas dan lawatan ke tapak projek-projek inisiatif diraja dan tempat-tempat lain yang berkaitan dengan khidmat masyarakat. Seramai 70 belia dari 10 negara ASEAN menyertai program ini, yang terdiri daripada tujuh orang wakil dari setiap negara, bersama-sama dengan 200 belia dari Thailand.

Perdana Menteri mengatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Bhumibol Adulyadej menganugerahkan Falsafah Ekonomi Mampan kepada rakyat Thailand sebagai garis panduan untuk menjalani kehidupan mereka. Ekonomi Mampan berdasarkan kepada tiga prinsip utama: kesederhanaan, munasabah, dan kekebalan diri. Ia memfokuskan kepada "middle path" untuk perlakuan yang sewajarnya oleh penduduk di semua lapisan masyarakat.

Ekonomi Mampan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Pembangunan Manusia pertama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dianugerahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja oleh mantan Setiausaha Agung PBB Tuan Kofi Annan, pada 26 Mei 2006, semasa Perayaan Ulang Tahun Ke-60 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja menaiki takhta. Tuan Annan berkata Ekonomi Mampan mengukuhkan usaha PBB untuk menggalakkan jalan yang mesra rakyat dan pembangunan mampan.

Perdana Menteri mengatakan bahawa program AY-REPSE 2016 Thailand akan memberi peluang kepada para belia dari Thailand dan negara-negara ASEAN lain untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam penerapan Falsafah Ekonomi Mampan. Falsafah ini boleh diguna pakai oleh setiap negara ASEAN mengikut keadaan geografi dan sosial.

Thailand berkongsi pengalamannya dalam penerapan Ekonomi Mampan melalui rangka kerja kerjasama dengan berbagai negara, seperti Lesotho, Timor-Leste, Kemboja, Myanmar, PDR Laos, Indonesia, Afghanistan, Jordan, Senegal, dan Mozambik. Beliau percaya bahawa falsafah ini dapat diterapkan di setiap lapisan masyarakat.